



## MENTERI SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### LAWATAN KERJA KE GENEVA DAN LONDON

1. Saya kini dalam siri lawatan kerja ke Geneva, Switzerland **bermula dari 20 hingga 22 Mac 2022**. Saya akan mendeposit ratifikasi protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung buruh paksa iaitu Protokol 29 pada **21 Mac 2022**.
2. Ratifikasi Protokol 29 ini adalah sebagai salah satu langkah Kerajaan dalam **menangani isu buruh paksa dan menunjukkan komitmen Kerajaan di peringkat antarabangsa**. Ini juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 November 2021 agar Menteri Sumber Manusia mendeposit ratifikasi Protokol 29 ini.
3. Sepanjang di Geneva, saya akan bertemu dengan Ketua Pengarah ILO dan Pengarah ILO Rantau Asia Pasifik untuk membincangkan isu-isu perburuhan serta berkongsi amalan baik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya termasuklah pelaksanaan Pelan Tindakan Nasional berhubung Buruh Paksa, aplikasi mobil *Working for Workers*, penguatkuasaan Akta Kerja 1955 dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990, serta pelaksanaan eWages.
4. Selain itu, saya juga mengadakan lawatan kerja ke London, United Kingdom bagi meneroka peluang kerjasama dua hala dengan United Kingdom memandangkan negara ini mempunyai perundangan khusus iaitu Akta Perhambaan Moden 2015. Akta ini merangkumi kewajipan majikan untuk melaksanakan pengauditan serta melaporkan insiden buruh paksa dalam rangkaian bekalan mereka. Perkara seperti ini wajar dikaji oleh Kerajaan memandangkan isu buruh paksa dalam negara turut berlaku dalam rangkaian

bekalan, di mana syarikat tempatan masih belum mempunyai mekanisme yang teratur untuk menangani permasalahan tersebut.

5. Saya dijadualkan untuk bertemu dengan rakan sejawat saya, *Secretary of State for Work and Pensions* bagi membincangkan isu-isu perburuhan. Saya juga dijadualkan untuk bertemu dengan *UK's Migration and Modern Slavery Envoy* bagi membincangkan isu berkaitan perlindungan kepada pekerja terutamanya dalam eksploitasi buruh dan buruh paksa.
  
6. Selain itu, saya juga akan bertemu dengan organisasi TVET (*Technical and Vocational Education and Training*) di United Kingdom bagi berkongsi pandangan dan amalan baik, ini bagi membantu Kementerian dalam usaha menyelaraskan TVET ke arah pendekatan yang lebih bersepadu dan menyeluruh, terutama dalam bakat digital. Ini bagi mencapai sasaran 35 peratus pekerja berkemahiran seperti mana yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

**DATUK SERI M.SARAVANAN**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
**GENEVA, SWITZERLAND**  
**21 MAC 2022**